



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H**

**PADA**

**9 NOVEMBER 2019 [ SABTU ]  
BERSAMAAN 12 RABIUL'AWAL  
1441 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI**

**AXIATA ARENA BUKIT JALIL**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH, SAYA MERAFAKKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN KEIZINAN DAN INAYAHNYA JUA DAPAT KITA BERHIMPUN DI PAGI YANG MULIA INI MENYAMBUT ULANGTAHUN KELAHIRAN JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM.

KEDATANGAN TARIKH 12 RABI-UL-AWAL SEMEMANG-NYA DINANTI-NANTIKAN OLEH UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA. INI KERANA PADA HARI INI UMAT ISLAM AKAN MENYAMBUT ULANG TAHUN KELAHIRAN BAGINDA RASULULLAH SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM YANG MERUPAKAN PENGHULU KEPADA SEKALIAN NABI DAN PARA RASUL.

BAGINDA ADALAH MERUPAKAN CONTOH IKUTAN ATAU PUN ROLE MODEL KEPADA SELURUH UMAT SEPERTI MANA YANG DI FIRMANKAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DALAM SURAH AL-AHZAB AYAT KE-21 YANG BERMAKSUD :

"DEMI SESUNGGUH-NYA ADALAH BAGI KAMU PADA DIRI RASULULLAH ITU CONTOH IKUTAN YANG BAIK IAITU BAGI ORANG YANG SENTIASA MENGHARAPKAN KEREDHAAN ALLAH DAN BALASAN BAIK HARI AKHIRAT SERTA IA PULA BANYAK MENYEBUT DAN MENGINGATI ALLAH DALAM MASA SUSAH DAN SENANG."

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

KEMULIAAN DAN KESEMPURNAAN AKHLAK RASULULLAH SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM WAJAR DI TELADANI DAN DIKUTI OLEH GENERASI MASA KINI. DALAM KONTEKS NEGARA KITA MALAYSIA CORAK PEMERINTAHAN YANG DIAMALKAN OLEH BAGINDA BOLEH DIJADIKAN SURI TAULADAN YANG UTAMA DALAM PEMBENTUKAN PERPADUAN RAKYAT.

BAGI MEMBENTUK PERPADUAN DAN KEHARMONIAN ANTARA PERKARA UTAMA YANG DITEKANKAN OLEH BAGINDA IALAH SIFAT KASIH SAYANG SESAMA MANUSIA DAN SEMUA MAKHLUK DI BUMI INI. BAGINDA MENYEBUT DALAM SEBUAH HADITH SAHIF YANG BERMaksud :

“ORANG-ORANG YANG BERKASIH SAYANG AKAN DIKASIHI OLEH YANG MAHA PENYAYANG. OLEH ITU KASIHILAH SEMUA YANG DI BUMI MAKA KAMU AKAN DIKASIHI OLEH MEREKA YANG DI LANGIT.”

JELASNYA, PERPADUAN AKAN TERBENTUK SECARA SEMULAJADI MENERUSI RASA KASIH SAYANG SERTA HORMAT MENGHORMATI DI ANTARA RAKYAT TANPA MENGIRA AGAMA, BANGSA DAN Keturunan.

BAGINDA JUGA TIDAK MELUPAI DAN SENTIASA MENYANTUNI GOLONGAN YANG KURANG BERKEMAMPUAN DAN LEMAH. INI BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA AGAR DAPAT BANGKIT MENINGKATKAN POTENSI DIRI DAN SETERUSNYA MENYUMBANG KEPADA MASYARAKAT.

RASULULLAH SALALLAHU ‘ALAIHI WASSALAM JUGA TELAH MENUNJUKKAN KEPADA KITA SATU RESEPI YANG UTAMA DALAM MENTADBIR SEBUAH NEGARA YANG BERBILANG AGAMA DAN BANGSA.

INI JELAS DILIHAT BILA MANA RAKYAT MADINAH YANG TERDIRI DARIPADA MASYARAKAT ISLAM, KRISTIAN DAN YAHUDI TELAH BERJAYA DISATU PADUKAN DI BAWAH PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN YANG BERPANDUKAN KEPADA TOLERANSI DAN SYARIAT ISLAM.

SEBENAR-NYA; AGAMA ISLAM MENITIK BERATKAN PERSAUDARAAN SEJAGAT DAN MENUNTUT PELAKSANAAN KEADILAN BAGI SEMUA TANPA MENGIRA AGAMA DAN BANGSA. MELALUI PENDEKATAN INI HAK INDIVIDU DAN MASYARAKAT SAMA ADA YANG BERAGAMA ISLAM MAHUPUN SEBALIKNYA AKAN SENTIASA TERPELIHARA.

INI LAH MERUPAKAN PENGAJARAN YANG MAHA AGUNG YANG DI BAWA OLEH RASULULLAH SALALLAHU ‘ALAIHI WASSALAM UNTUK DIJADIKAN TAULADAN OLEH PEMIMPIN DAN GENERASI MASA KINI.

RESEPI PERPADUAN DAN KEHARMONIAN IALAH RASA HORMAT MENGHORMATI SERTA SAYANG MENYAYANGI ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN DAN KEADILAN YANG BERTERASKAN KEPADA SYARIAT ISLAM.

SAYA BERKEYAKINAN KERAJAAN AKAN SENTIASA MENGAMBIL PENDEKATAN UNTUK MENJAGA HAK-HAK PENGANUT BERBILANG AGAMA DAN BANGSA DISAMPING BERTERUSAN DALAM MEMBANTU GOLONGAN YANG LEMAH.

PADA MASA YANG SAMA USAHA-USAHA BERTERUSAN HENDAKLAH TURUT DILAKUKAN DALAM MENGAWAL FAHAMAN RADIKAL DAN SEBARANG BENTUK TINDAKAN YANG BOLEH MENGGUGAT KEHARMONIAN NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIH SEKALIAN.

PADA HARI MEMULIAKAN JUNJUNGAN BESAR RASULULLAH SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM SAYA BERHARAP AGAR SELURUH RAKYAT MALAYSIA AKAN DAPAT MENGHAYATI SERTA MENGAMALKAN AJARAN ISLAM DAN MENJADIKAN RASULULLAH SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM SEBAGAI CONTOH IKUTAN TERAGUNG.

KEHALUSAN AKHLAK BAGINDA AKAN DAPAT MEMANDU KITA MEMELIHARA SAHSIAH DIRI AGAR KITA MENJADI BANGSA YANG DISEGANI. KEBIJAKSANAANNYA PULA BOLEH KITA JADIKAN INSPIRASI UNTUK MEMAJUKAN DIRI. MANAKALA, AMALAN PENTADBIRAN BAGINDA PULA BOLEH KITA JADIKAN PANDUAN KE ARAH PEMBENTUKAN SEBUAH NEGARA RAHMAH YANG BERSATU-PADU.

KITA SUDAH PUN MEMPUNYAI ROLE MODEL YANG TERHEBAT LAGI MAHA AGUNG UNTUK DIKUTI. MAKA, JANGAN-LAH KITA MENSIA-SIAKANNYA TANPA MENGAMBIL IKTIBAR DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM.

MENGAKHIRI TITAH, MARILAH SAMA-SAMA KITA BERDOA SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATAALA MENCUCURI RAHMAT DAN KESEJAHTERAAN KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM. SEMOGA KITA DIPERMUDAHKAN MENDAPAT SYAFAAT BAGINDA PADA HARI MENGHADAPI PENGADILAN DI PADANG MAHSYAR KELAK.

KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA YANG SAYA KASIH TERUSLAH MENYAHUT SERUAN UNTUK MEMBENTUK SEBUAH NEGARA YANG BERSATU-PADU, AMAN, MAKMUR DAN MAJU JAYA DALAM SEGALA BIDANG.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته